

METODOLOGI PENULISAN HADIS OLEH AL-ZARNUJI DALAM KARYA *TA'LIM AL-MUTA'ALIM*

(Methodology of Hadith Writing by al-Zarnuji in *Ta'lim al-Muta'alim*)

¹ ARWANSYAH KIRIN
¹ ABD SHAKOR BORHAM
¹ FAISAL HUSEN ISMAIL

¹ Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Johor, Malaysia

ABSTRAK

al-Zarnuji merupakan antara cendekiawan Islam yang menghasilkan karya yang masyhur di Nusantara khususnya di Indonesia. Karya beliau yang terkenal adalah kitab *Ta'lim al-Muta'alim* yang mana kitab ini masih banyak digunakan di beberapa pondok pesantren Indonesia saat ini. Dalam kitab ini banyak ditemukan hadis Nabi yang digunakan sebagai argumen (hujjah) tetapi status hadisnya tidak dijelaskan apakah *sahih* atau sebaliknya. Oleh kerana itu, penting untuk menjelaskan metodologi penulisan hadis yang terdapat dalam kitab ini agar dapat dikenali statusnya sekaligus untuk mengukur sejauh mana pengetahuannya dalam ilmu hadis. Kajian ini berhasrat mengeksplorasi metodologi penulisan hadis yang dilakukan al-Zarnuji dalam kitab *Ta'lim al-Muta'alim*. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan dan menganalisis metodologi penulisan hadis yang digunakan oleh al-Zarnuji dan mengungkap sejauh mana pengetahuan dan statusnya sebagai sarjana hadis melalui bukunya *Ta'lim al-Muta'allim*. Metodologi kajian yang digunakan adalah analisis dokumen melalui pendekatan analisis deskriptif, menjelaskan dan menganalisis kitabnya secara menyeluruh, terutama metodologi penulisan hadis. Kajian ini mendapati bahawa al-Zarnuji menggunakan beberapa metode penulisan hadis dalam kitabnya *Ta'lim al-Muta'allim* di antaranya ialah: (1) Menulis hadis tanpa sanad dan perawi hadis, (2)

menulis hadis dengan menggunakan *rawi al-a'la* tanpa perawi hadis (3) menggunakan metode *Riwayat bi al-Ma'na* (narasi makna). Kajian ini menemukan bahwa al-Zarnuji memiliki kemampuan dan pengetahuan yang baik dalam ilmu hadis. Selain itu ianya juga dapat memberikan pemahaman kepada masyarakat tentang metode penulisan hadis yang dilakukan oleh al-Zarnuji dalam kitabnya *Ta'lim al-Muta'allim*.

Kata kunci: *al-Zarnuji; Ta'lim al-Muta'allim; Metodologi; penulisan hadis; Nusantara*

ABSTRACT

al-Zarnuji is an Islamic scholar who produced works that are quite well known in the archipelago, especially in Indonesia. His famous work is Ta'lim al-Muta'alim which is still widely used in several Indonesian boarding schools today. In this book, many of the Prophet's hadith are used as arguments (hujjah) but the status of the hadith is not explained whether they are authentic or otherwise. Therefore it is important to explain the methodology of writing the hadith contained in this book so that its status can be recognized as well as to measure the extent of his knowledge in the science of hadith. This study aims to explore the methodology of writing the hadith used by al-Zarnuji in the Ta'lim al-Muta'alim. The purpose of this study is to determine and analyze the methodology of writing the hadith used by al-Zarnuji and reveal the extent of his knowledge and status as a scholar of hadith through his book, Ta'lim al-Muta'allim. The study methodology used is document analysis through a descriptive analysis approach, explaining and analyzing the book as a whole, especially the methodology of writing the hadith. This study found that al-Zarnuji used several methods of writing the hadith in his Ta'lim al-Muta'allim including: (1) writing hadith without sanad (chain of transmission of the hadith) and hadith narrators (2) writing hadith using the Rawi al-A'la without hadith narrators (3) using the method of riwayat bi al-ma'na (narration by meaning) This study found that al-Zarnuji had good abilities and knowledge in the science of hadith. Besides that, it also can provide an understanding about the method of writing hadith by al-Zarnuji in his book Ta'lim al-Muta'allim to the public.

Keyword: *al-Zarnuji; ta'lim al-Muta'allim; methodology; writing hadith; Nusantara.*

PENGENALAN

Dunia Islam kaya dengan ulama, cendekiawan dan intelektual dalam pelbagai bidang. Sumbangan mereka di dunia ilmu pengetahuan sangat besar untuk umat Islam dari masa ke semasa. Namun, sebahagian daripada sumbangan mereka tersebut belum disorot dan dikaji sebagai sumbangan akademik. Oleh yang demikian, harta yang berharga ini akan tersembunyi bahkan akan hilang selamanya ditelan zaman. Bagi

menghindari hal ini, maka pengkaji berusaha membuka semula tabir keilmuan yang dimiliki oleh seorang ulama intelektual yang bernama Burhan al-Islam al-Zarnuji atau lebih dikenali sebagai al-Zarnuji. Menurut pendapat al-Qarashi, beliau dikatakan berasal dari bandar Zarnuj, yang merupakan sebuah bandar di Turki. Manakala, Yaqut berpendapat bandar Zarnuj berada di Turkistan di sebelah sungai Tigris. Oleh hal yang demikian, jelas bahawa kedua-dua bandar tersebut dahulunya termasuk dalam kawasan Transoxiana.

Ada juga pandangan lain yang mengatakan bahawa beliau berasal dari bandar Zarand, iaitu bandar yang berada di kawasan Persia yang pernah menjadi ibu kota Sidjistan yang terletak di Selatan Hera yang akhirnya melekat sebagai nama panggilan (Muhammad 'Abd al-Qadir Ahmad 1986). Untuk tahun kelahirannya tidak dapat diketahui, tetapi dipercayai bahawa beliau hidup sezaman dengan ulama besar bernama Tajudin Nu'man bin Ibrahim al-Zarnuji yang meninggal pada tahun 640 H/1242M (al-Qurashi 1955). Adapun tahun kematian al-Zarnuji itu masih belum dipastikan kerana terdapat beberapa catatan yang berbeza-beza iaitu: Ahmad Fu'ad al-Ahwani mengatakan bahawa al-Zarnuji meninggal dunia pada tahun 591 H/1195 M (Ahmad fu'ad al-Ahwani 1955). Selain pandangan di atas, terdapat pandangan lain berkaitan tarikh beliau meninggal dunia iaitu: pertama, tahun 591 H/1195 M. Kedua, pendapat yang mengatakan bahawa al-Zarnuji meninggal dunia pada tahun 840 H/1243 M (Abudin Nata 2003). Manakala, pendapat yang ketiga mengatakan bahawa al-Zarnuji meninggal dunia pada tahun 591/593 atau 597 H (Ahmad Fu'ad al-Ahwani 1955).

al-Zarnuji seorang cendekiawan Muslim yang menghasilkan karya tulisan yang dikenali dengan kitab *Ta'lim al-Muta'allim* hingga kini masih dipelajari di pondok-pondok pesantren Indonesia dan wilayah Nusantara lainnya. Dalam kajian lepas oleh Sopyan Ichsan (2016), mengatakan bahawa kitab ini telah memberikan sumbangan yang besar terhadap dunia pendidikan. Hal ini terbukti dengan banyaknya pondok pesantren di Indonesia menjadikan kitab ini sebagai mata pelajaran yang diajarkan kepada santri-santrinya, oleh itu dia mencuba mengkaji kitab ini dengan mentakhrij hadis-hadisnya mulai dari bab 1 hingga 5. Fokus kajiannya kepada cara periwayatan hadis dan kualiti sanad yang terdapat dalam kitab tersebut (Ichsan Sopyan 2016). Selain terkenal, kitab ini juga mendapat tempat di hati para pelajar-pelajar pondok pesantren di seluruh Indonesia, bahkan menjadi rujukan dalam proses belajar dan mengajar di pesantren. Untuk menghindari keterpesongan pelajar dalam mempelajari isi kitab ini, maka Aminuddin Akhmad Sancoko (2015) juga berusaha mengkaji kualiti hadis-hadis dalam kitab ini mulai dari bab 1 hingga 4 dengan mentakhrijnya (Aminuddin 2015).

Kitab *Ta'lim al-Muta'alim* merupakan satu-satunya karya al-Zarnuji yang masih kekal hingga sekarang. Perkara ini juga pernah diungkapkan oleh Plessner di dalam ensiklopedia bahawa kitab *Ta'lim al-Muta'allim* merupakan satu-satunya karangan

al-Zarnuji yang masih kekal dan wujud hingga sekarang, tetapi kita tidak boleh menafikan karya beliau yang lain mungkin sahaja hilang atau terbakar semasa terjadinya peperangan yang dilakukan oleh bangsa Mongol di kampungnya (Plessner 1913-1914). Hal ini juga disebutkan oleh pendapat lain yang mengatakan bahawa karya al-Zarnuji yang lain tidak dapat dikesan disebabkan peperangan oleh bangsa Mongol yang dipimpin oleh Jengis Khan pada tahun 1220-1225 M ke atas Persia. Peperangan itu telah mengakibatkan banyaknya umat Islam yang terbunuh, banyak perpustakaan dan buku-buku terbakar di antaranya adalah karya-karya al-Zarnuji. Pada masa itu tentera Mongol telah menghacurkan dan menjajah kawasan Persia Timur, Khurasan dan Transoxiana yang dikenali sebagai kawasan yang kaya, makmur, maju dan bertamadun. Akibat daripada penjajahan itu, maka kawasan-kawasan di Persia banyak yang rosak dan hancur, akhirnya hanya tertinggal bekas-bekas kejayaannya sahaja (Muhammad Abd al-Rahman Khan 1986).

Haji Khalifah dalam bukunya bertajuk *Kashf al-Zunun 'an Asami' al-Kitab al-Funun* mengatakan bahawa di antara 15,000 tajuk literatur yang dimuat sebagai karya penulisan pada abad ke-17, maka kitab *Ta'lim al-Muta'alim* merupakan satu-satunya karya al-Zarnuji yang masih kekal (Haji Khalifah 1941). Kitab ini telah disyarah oleh Ibrahim bin Isma'il dengan tajuk *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'lim* yang diterbitkan pada tahun 996 Hijrah. Penerjemahan Kitab *Ta'lim al-Muta'alim* ke dalam bahasa lain seperti bahasa Latin telah dilakukan sebanyak dua kali oleh H.ROLAND pada tahun 1709 dan CASPARI pada tahun 1838 yang diberi tajuk *Enchiridion Studiosi*. Kitab ini dapat diperoleh di seluruh perpustakaan di dunia pada zamannya (Afandi Mukhtar 1995). Kitab *Ta'lim al-Muta'allim* dianggap sebagai karya monumental oleh Muhammad bin 'Abd al-Qadir Ahmad kerana usaha besar daripada al-Zarnuji yang menghabiskan hidupnya untuk berkhidmat kepada pendidikan sehingga akhir hayatnya (Muhammad 'Abd al-Qadir Ahmad 1986).

Karya al-Zarnuji yang bertajuk *Ta'lim al-Muta'allim* ditulis dalam bahasa Arab. Beliau merupakan seorang tokoh yang mempunyai kemampuan yang hebat dalam Bahasa Arab. Perkara ini telah menjadikan perbezaan pendapat tentang susur galur keturunan beliau sama ada keturunan Bangsa Arab atau bukan. Berdasarkan beberapa referensi telah dikaji oleh penulis, tiada penemuan yang mengatakan bahawa al-Zarnuji adalah bangsa Arab. Pandangan ini boleh jadi benar kerana pada masa penyebaran agama Islam dijalankan, ramai orang Arab yang menyebarkan agama Islam di pelusuk negeri, seterusnya mereka menetap (bermukim) di tempat tersebut. Selain itu, al-Zarnuji dikatakan sebagai seorang ahli falsafah. Hal ini dapat dibuktikan dalam isi kandungan kitab lebih kepada nilai-nilai falsafah dan pemikiran falsafahnya mendekati cara berfalsafah al-Ghazali. Hal serupa disebutkan oleh Plessner dalam ensiklopedia bahawa al-Zarnuji seorang yang pakar dalam bidang fiqah dan dia seorang ahli falsafah (Plessner 1913-1914). Adapun masa kehidupannya ada yang

mengatakan bahwa beliau hidup pada zaman Rida al-Din al-Naysaburi yang hidup antara tahun 500-600 Hijrah (Abudin Nata 2003). Pada waktu itu ilmu pengetahuan bertambah maju dan moden meskipun keadaan politik daulah Islamiyah melemah seperti yang dijelaskan oleh Ahmad Amin. Pada masa daulah Islamiyah, martabat ilmu pengetahuan lebih tinggi sebelumnya. Meskipun kekuasaan dan keadaan politik mulai meredup, tapi sinar ilmu pengetahuan bertambah terang (Ahmad Hasjmy 1978).

METODOLOGI DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian artikel ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah kepustakaan. Reka bentuk yang dipilih adalah analisis kandungan buku *Ta'lim al-Muta'alim*. Sumber kedua adalah buku-buku, jurnal, majalah, makalah-makalah dan sumber lain yang sesuai seperti disertasi master atau thesis Phd. Dalam kajian ini penelitian difokuskan kepada kitab *Ta'lim al-Muta'alim* yang ditulis al-Zarnuji. Kitab tersebut mengandungi 40 hadis, tujuan memilih buku ini adalah agar dapat mengetahui informasi tentang metode penulisan hadis yang terdapat dalam buku tersebut.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dalam penulisan hadis, al-Zarnuji menggunakan metode sebagai berikut: Menulis hadis tanpa sanad dan perawi hadis, menulis hadis dengan menggunakan *rawi al-a'la* tanpa perawi hadis dan menggunakan metode *Riwayat bi al-Ma'na* (narasi makna).

Tidak Menyebutkan Sanad dan Perawi Hadis

Hasil penelitian mendapati bahawa kitab *Ta'lim al-Muta'alim* mengandungi hadis-hadis yang tidak disebutkan sanad dan perawinya oleh al-Zarnuji. Contohnya adalah seperti hadis berikut (Burhan al-Islam al-Zarnuji 1996) :

روي عنه صلى الله عليه وسلم أنه قال (خير الأبناء من علمك)

Berdasarkan petikan hadis tersebut, dapat difahami sama ada beliau faham erti sanad atau tidak, tetapi pandangan penulis seorang ulama seperti beliau mustahil tidak mengetahui apa itu 'sanad'. Penulisan tanpa sanad ini selari dengan metode yang banyak digunakan oleh ulama-ulama di Nusantara pada abad ke-14 (Khaeruman Badri 2017). Menurut kajian Ahmad Levi, metode penulisan hadis tanpa sanad oleh ulama Nusantara pada masa ini bukanlah bermakna ulama-ulama ketika itu mengabaikan kepentingan sanad. Namun, ia bertujuan untuk meringkaskan penulisan agar lebih mudah dan fokus dalam diskusi dan perdebatan (Avivy, Ahmad Levi 2012). Penulisan hadis tanpa *sanad* bukan hanya terdapat dalam bidang hadis sahaja, malah dalam bidang tafsir juga banyak digunakan oleh *mufasssir* terutama *mufasssir*

Melayu (Nusantara) ketika mereka meletakkan hadis-hadis sebagai penyokong bagi ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan, misalnya H. Zainuddin Hamidy dalam karyanya *Tafsir Qur'an*, Abd Ra'uf al-Fansuri dalam karyanya *Tarjuman al-Mustafid* dan Haji Abd al-Halim Hasan dalam *Tafsir al-Qur'an al-Karim* (Parlindungan Simbolon 2013). Namun, kesan penulisan hadis tanpa sanad ini akan sukar bagi penulis dan pembaca yang datang kemudian untuk menentukan kedudukan hadis yang terdapat dalam kitab tersebut kerana kedudukan sanad dalam penulisan hadis sangat penting untuk mengetahui kedudukan sesebuah hadis apakah ia *Marfu'*, *Mawquf* atau *Maqtu'*, apakah ia *Sahih*, *Da'if* atau *Mawdu'*.

Sanad atau *Tariq* ialah rangkaian riwayat yang menghubungkan matan hadis kepada baginda Nabi SAW (Muhammad 'Ajjaj al-Khatib 1975). Hal ini merupakan suatu keistimewaan umat Islam sejak zaman berzaman lagi mulai dari dulu hingga ke hari ini bahkan sampai berakhirnya dunia ini. Prihatin terhadap sanad dalam menyampaikan berita (hadis) adalah suatu sunnah yang amat dituntut dan merupakan suatu syiar umat ini. Oleh yang demikian, wajib ke atas setiap Muslim bersandar kepada sanad dalam menyampaikan hadis begitu juga dalam menulis hadis. Ibn al-Mubarak pernah mengatakan: Sanad adalah sebahagian (syiar) agama, sekiranya tiada sanad sudah pasti manusia akan berbicara mengikut kehendak dan kemahuan masing-masing dan pemisah antara golongan yang *thiqqah* (jujur) dengan pendusta adalah sanad (Muslim 1955). Perkataan Ibn al-Mubarak dalam perbincangan al-Nawawi, beliau mengatakan jika sanad suatu hadis *Sahih* maka hadis itu *maqbul* begitu pula sebaliknya. Kedekatan hubungan antara hadis dengan sanad ibarat dekatnya hubungan kaki pada setiap haiwan. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan sama ada semasa menyampaikan hadis mahupun semasa menulisnya (Muslim 1924). al-Thawri pernah berkata bahawa sanad adalah senjata ampuh bagi orang mukmin. Sekiranya tidak mempunyai senjata maka menjadi lebih untuk menghadapi musuh (Nur al-Din al-'Itr 1979). al-Awza'i pula mengatakan bahawa sekiranya sanad hadis hilang, maka lenyaplah ilmu pengetahuan dalam bidang hadis (Nur al-Din al-'Itr 1979). Oleh itu, penulisan dan penyampaian sanad dalam bidang hadis amat penting. Keperluan sanad dan nilainya dapat dirasakan oleh individu yang mengkaji ilmu *Rijal al-Hadis*, keperluannya sejajar dengan keperluan mengetahui *Ittisal* dan *Inqita'* dalam sesebuah hadis itu. Sekiranya tidak, maka sukar untuk membezakan antara hadis *Sahih* dan *Mawdu'* dan kesannya para pendusta berleluasa untuk mencipta dan memalsukan hadis (Mahmud al-Tahhan 1996). Oleh itu, untuk mengetahui semua perkara tersebut, perlu adanya kajian *Takhrij* dan *dirasah Asanid* terhadap *sanad-sanad* hadis ini, sehingga dapat menilai dan mengetahui kedudukan hadis sebenar, boleh diterima sebagai hujah atau tidak, dan sama ada boleh diamalkan atau tidak.

Menulis Hadis dengan Menggunakan *Rawi al-A'la* Tanpa Perawi Hadis

Dalam metode penulisan hadis yang kedua al-Zarnuji hanya menulis *Rawi al-A'la* di peringkat sahabat tanpa menyebutkan siapa perawi hadis tersebut. Contohnya adalah seperti hadis berikut (Burhan al-Islam al-Zarnuji 1996):

ما روي عن أبي الدرداء رضى الله عنه أنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (من سلك طريقا يطلب فيه علما سلك الله به طريقا من طرق الجنة)

Kaedah ini juga akan menyulitkan bagi pembaca dan peneliti untuk mengetahui kesahihan hukum hadisnya. Oleh itu, perkara ini perlu melakukan penelitian agar dapat mengenali hukum dan asal hadis tersebut. Sebahagian hadis pula telah bercampur aduk dengan ulasan dan pendapat beliau serta pendapat ulama lain. Justeru, penelitian yang teliti amat diperlukan secara mendalam agar dapat diketahui lafaz hadis sebenar.

Menggunakan Metode *Riwayat bi al-Ma'na* (Narasi Makna)

Pada sebahagian hadis yang ditulis oleh pengarang kitab *Ta'lim al-Muta'alim* ini, beliau menggunakan metode *Riwayat bi al-Ma'na*. Contohnya adalah ketika beliau menulis tentang larangan bagi orang mukmin untuk membinasakan diri sendiri (Burhan al-Islam al-Zarnuji 1996), berbunyi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ليس للمؤمن أن يذل نفسه

Petikan hadis tersebut menunjukkan bahawa al-Zarnuji menulis hadis melalui maknanya. Hal ini dapat dibuktikan ketika merujuk pada teks asal atau matan asalnya seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam *Sunan* (Ibn Majah 1998), al-Tirmidhi dalam *Sunan* (al-Tirmidhi 1999) dan Ahmad bin Hanbal juga meriwayatkan hadis yang sama dalam *Musnadnya* (Ahmad bin Hanbal 1995) dengan lafaz:

لا ينبغي لمؤمن أن يذل نفسه قالو : وكيف يذل نفسه ؟ قال : يتعرض من البلاء مالا يطيق

Hadis-hadis yang ditulis secara *matan* sahaja masih sukar untuk dikesan status, hukum dan sumber asalnya, apatah lagi sekiranya ditulis secara makna. Oleh itu, kaedah ini masih diperlukan kajian *Takhrij* dan *Dirasah Asanid* untuk mengetahui status hadis tersebut sama ada *Sahih*, *Da'if* atau *Mawdu'*. Hadis-hadis yang diriwayatkan secara *lafzi* atau ditulis secara *matan* adalah hadis-hadis yang berbentuk sabda iaitu didengar langsung oleh para sahabat daripada Nabi SAW. Manakala, hadis yang tidak berbentuk sabda (tidak didengar langsung daripada Nabi), kemungkinan ia dapat diriwayatkan secara makna. Hal ini dikatakan demikian kerana hadis yang tidak didengar langsung

daripada Nabi adalah kalimat yang berpindah dari satu sahabat kepada sahabat yang lain. Penulis tidak membahaskan tentang periwayatan hadis secara lafaz atau hadis yang ditulis secara matan kerana perkara itu sudah diketahui secara meluas. Tetapi di sini penulis ingin membincangkan tentang periwayatan dengan makna yang banyak ditulis oleh al-Zarnuji dalam kitabnya ini. Majoriti para sahabat nabi membolehkan riwayat hadis secara makna. Di antara mereka adalah isteri baginda ‘Aisyah, Ibn ‘Abbas, Anas bin Malik, khalifah yang keempat Ali bin Abi Talib, ‘Abd Allah bin Mas’ud, dan Abu Darda’, daripada Tabi’in pula adalah ‘Ikrimah, ‘Amru Ibn Dinar, Mujahid, Ibrahim al-Nakha’i, Hasan al-Basri dan al-Shi’bi (Muhammad ‘Ajjaj al-Khatib 1975).

Sebahagian kecil daripada golongan sahabat tetap dengan pendiriannya iaitu periwayatan hadis dengan *lafzi* seperti Zayd bin al-Arqam, khalifah Rasulullah yang kedua iaitu ‘Umar beserta anaknya ‘Abd Allah. Ulama lain yang sependapat dengan Umar bin Khattab adalah Abu Bakar al-Razi, Raja’ bin Haywah, Muhammad bin Sirin, dan Tha’lab bin Nahwi, (al-Khatib Muhammad ‘Ajjaj 1975 dan al-Ramahurmuzi 1971). Walaupun mereka berpendapat begitu, mereka tidak melarang sekiranya ada ulama yang meriwayatkan hadis secara makna. Tetapi di sini ada sebahagian ulama yang mempersoalkan adakah boleh atau tidak meriwayatkan hadis secara makna selain daripada golongan sahabat seperti Abu Bakar al-‘Arabi. Beliau mengatakan bahawa meriwayatkan hadis secara makna selain daripada sahabat tidak dibolehkan. Para sahabat dibenarkan meriwayatkan secara makna kerana mereka memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan tinggi terutama dalam bahasa Arab. Selain itu, mereka juga melihat dan mendengar langsung daripada baginda Rasulullah sama ada keadaan baginda, perkataannya mahupun perbuatannya. Majoriti para ulama membolehkan meriwayatkan hadis dengan makna dengan beberapa syarat yang disepakati di antaranya ialah (al-Ramahurmuzi 1971):

1. Bahawa ulama yang dibenarkan meriwayatkan hadis dengan makna iaitu ulama yang benar-benar memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam dalam bahasa Arab agar terhindar daripada kecelaruan dan kekeliruan seperti dalam hukum halal dan haram dan sebagainya.
2. Ia dilakukan kerana adanya unsur keterpaksaan misalnya kerana lupa susunan huruf.
3. Apa yang diriwayatkan itu bukan merupakan sabda Nabi SAW dalam bentuk bacaan Ta’abbudi, seperti azan, iqamah, zikir dan doa-doa, bukan juga dalam Jawami’ al-Kalim.
4. Ulama yang meriwayatkan hadis dengan makna ini hendaklah menambahkan kata-kata *Aw Nahwu Hadha dan Aw Kama Qala* atau yang semakna dengannya selepas menuliskan matan hadis yang bersangkutan. Begitu juga jika dia ragu dalam penyusunan matan hadis, maka kata-kata di atas hendaklah dituliskan.

5. Bolehnya periwayatan dengan makna ini hanya berlaku sebelum hadis-hadis baginda Nabi dibukukan, selepas dibukukan ia dilarang (Ibn Salah 1975 dan Abu Zahwi Muhammad t.th).

Syarat-syarat yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa walaupun periwayatan hadis secara makna dibolehkan, namun praktiknya tidak dibiarkan begitu sahaja. Dalam erti kata lain, ulama-ulama yang berkeinginan meriwayatkan dengan makna tidak bebas melakukannya begitu sahaja. Kemudian, timbul lagi persoalan daripada ulama hadis tentang boleh atau tidak periwayatan hadis atau menulis hadis dengan meringkas *matan*. Daripada persoalan tersebut, terdapat ulama yang membolehkan tanpa syarat, ada yang bersyarat dan ada juga ulama yang melarang perbuatan tersebut. Pendapat dan jawapan yang ramai diikuti ialah boleh meriwayatkan atau menulis hadis dengan meringkaskan *matan* hadis tetapi harus memenuhi syarat-syarat di bawah ini:

1. Ulama yang meringkaskan hadis bukanlah termasuk periwayat hadis berkenaan.
2. Jika yang meringkas itu adalah periwayatnya sudah tentu hadis yang dikemukakan itu telah disusun secara sempurna.
3. Kalimat yang mengandungi kata *al-Istisna'*, *al-Ghayah*, syarat dan yang sejenisnya tidak boleh dipotong semasa meringkaskan.
4. Ringkasan yang dibuat bukanlah merupakan keterangan daripada isi kandungan hadis berkenaan.
5. Ulama yang melakukan ringkasan itu mestilah ulama yang benar-benar mengetahui isi kandungan hadis berkenaan, jika tidak maka tidak dibenarkan (Ibn Salah 1975). Meskipun para ulama berbeza pandangan tentang hukum periwayatan hadis dengan cara meringkaskan *matan*, namun pendapat yang cukup berhati-hati sekali adalah pendapat yang membolehkan tetapi bersyarat.

KESIMPULAN

al-Zarnuji merupakan ulama dan cendekiawan Islam yang memiliki reputasi bertahap global. Keilmuan dan kitab yang dimilikinya diakui di dunia khususnya Nusantara. Keaktifannya dalam menulis buku dan berkarya dalam pelbagai bidang disiplin ilmu amat berkualiti. Karya-karyanya masih banyak digunakan di Asia Tenggara khususnya Indonesia dan menjadi rujukan hingga ke hari ini. Dalam kajian ini, metodologi penulisan hadis yang digunakan oleh al-Zarnuji adalah menulis hadis tanpa sanad, menulis hadis dengan menggunakan *rawi al-a'la* tanpa perawi hadis dan menggunakan metode *Riwayat bi al-Ma'na* (narasi makna). Penggunaan metodologi yang dilakukan oleh al-Zarnuji ini menunjukkan bahawa beliau memiliki kepakaran dalam ilmu hadis, walaupun dalam karyanya tidak memperlihatkan kitab khusus yang membincangkan mengenai hadis, tidak bermaksud beliau tidak mempunyai kepakaran dalam ilmu hadis. Sebaliknya, kajian ini menunjukkan bahawa beliau memiliki pengetahuan dan kepakaran dalam bidang hadis walaupun tidak setanding dengan ulama hadis ternama. Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan implikasi yang positif terhadap

masyarakat di antaranya seperti memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang metode penulisan hadis dalam kitab *Ta'lim al-Muta'allim* oleh al-Zarnuji. Selain itu, ianya dapat membentuk sifat berhati-hati dalam merujuk kepada karya yang mengandungi hadis Nabi Muhammad SAW. Perkara ini dapat digunakan secara praktikal dalam pengajaran dan amalan masyarakat Islam khususnya di Indonesia dan Malaysia kerana kitab *Ta'lim al-Muta'allim* ini digunakan secara meluas di pesantren dan pengajian pondok bahkan inti patinya bersesuaian dengan amalan masyarakat Islam di Nusantara.

RUJUKAN

- Abuddin Nata. 2003. *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam*. Jakarta: Raja Grafindo Persada.
- Abu Zahwi Muhammad Muhammad. t.th. *al-Hadis wa al-Muhaddithun*. Mesir: Matba'ah al-Misr.
- Afandi Mukhtar. 1995. *Ta'lim wa Muta'allim Tariq al-Ta'allum dalam Lecture*. Cirebon: LKPPI.
- Ahmad bin Hanbal. 1995. *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*. al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ahmad Fu'ad al-Ahwani. 1955. *al-Tarbiyah fi al-Islam fi Ra'yi al-Qabis*. Misr: Dar al-Babi al-Halabi.
- Ahmad Hasjmiy. 1978. *Sejarah Kebudayaan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Aminudin, Ahkmad Sancoko. 2015. Kualitas hadis-hadis dalam kitab *Ta'lim al Muta'allim* Bab IV karya Syekh Burhan al-Din al-Zarnuji. Skripsi Degree, STAIN Ponorogo.
- Avivy, A. L. F. & Dakir, J. 2012. Methodology of writing hadis in the works of Muhammad Nawawi al-Bantani. *Journal of Applied Sciences Research* 8 (4): 2187-2192.
- Burhan al-Islam Al-Zarnuji. 1996. *Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum*. Tahqiq. Al-Shaikh Marwan Qubani. Bayrut: Maktabah al-Islami.
- Haji Khalifah. 1941. *Kashf al-Zunun*. Tahran: Al-Matba'ah al-Islamiyah.
- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid al-Qazwayni. 1998. *Sunan Ibn Majah*. al-Qahirah: Dar al-Hadis.

- Ibn Salah, 'Uthman bin 'Abd al-Rahman. 1975. *'Ulum al-Hadis*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ichsan Sopyan. 2016. *Takhrij hadis dalam kitab ta'lim al-Muta'allim karya az-Zarnuji: telaah atas pasal pertama sampai kelima*. Skripsi Degree, UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Khaeruman, B. 2017. Perkembangan hadis di Indonesia pada abad XX. *Dirayah: Jurnal Ilmu Hadis* 1 (2): 187-202.
- Muhammad 'Ajjaj al-Khatib. 1975. *Usul al-Hadis 'Ulumuhu wa Mustalahuhu*. Cet. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Mahmud al-Tahhan. 1996. *Usul al-Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif li Nasry wa al-Tawzi'.
- Muhammad 'Abd al-Rahman Khan. 1986. *Sumbangan Umat Islam Terhadap Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan*. Bandung: Rosdakarya.
- Muhammad 'Abd al-Qadir Ahmad. 1986. *Ta'lim wa Muta'allim Tariq al-Ta'allum*. Mesir: University Cairo.
- Muslim bin Hujjaj al-Qusayri. 1955. *Sahih Muslim*. t.tp: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah.
- Muslim bin Hujjaj al-Qusayri. 1924. *Sahih Muslim bi Syarah al-Nawawi*. Mesir: Matba'ah Misriyah.
- al-Nawawi, Yahya Bin Syaraf. t.th. *Taqrib al-Nawawi Fan 'Usul al-Hadis*, Kairo: t.pt.
- Nur al-Din al-'Itr. 1979. *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadis*. Damaskus: Dar al-Fikr. Parlindungan Simbolon. 2013. Metode penulisan hadis dalam tafsir Bahasa Melayu: Kajian perbandingan antara tafsir al-Misbah dan tafsir pedoman al-Muttaqin, Disertasi Master. Jabatan al-Qur'an dan Hadis. Akademi Pengajian Islam, University of Malaya.
- Plessner. 1913-1914. *al-Zarnuji Dalam The Encyclopedia of Islam*. Ed. IV. Leiden: E.J.Brill.
- al-Ramahurmuzi, al-Hasan bin 'Abd al-Rahman. 1971. *al-Muhaddith al-Fasil Bayna al-Rawi wa al-Wa'i*. cet : 1. al-Qahirah: Dar al-Bayan.
- Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa Ibn Sawrah. 1999. *Sunan al-Tirmidhi*. al-Qahirah: Dar al-Hadis.